BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM

Jilid 41 Bil. 3

S3

Suku Ketiga 2025

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh BNM berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh BNM dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

03 Sorotan Penting

04 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

05 Perkembangan Ekonomi Malaysia

10 Perkembangan Monetari dan Kewangan

13 Pertimbangan Dasar

15 Tinjauan Makroekonomi

20 Rencana: Daripada Bait Kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia

32 Rencana: Pemahaman Mengenai Pendorong Utama Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Malaysia

39 Tambahan

Sorotan Penting bagi S3 2025

KDNK mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 5.2% (S2: 4.4%)

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan?

Perbelanjaan isi rumah yang berterusan
Penggunaan Swasta: 5% (S2 2025: 5.3%)

Aktiviti pelaburan yang stabil
Pembentukan Modal Tetap Kasar: 7.4% (S2 2025: 12.1%)

Eksport bersih yang lebih tinggi
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan : 17.7% (S2 2025: -72.6%)

Pasaran pekerja terus bertambah baik

Kadar Pengangguran
3%
(S2 2025: 3%)

Gaji Nominal Sektor Swasta
3.8%
(S2 2025: 3.4%)

Inflasi keseluruhan kekal stabil pada 1.3% (S2: 1.3%)

Apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi inflasi?

Inflasi teras yang lebih tinggi berikutan permintaan dalam negeri yang kukuh
Inflasi teras: 2%
(S2 2025: 1.8%)

Harga yang ditadbir yang lebih rendah, termasuk elektrik dan diesel
Inflasi harga yang ditadbir: -0.7%
(S2 2025: -0.1%)

Ringgit menambah nilai berbanding mata wang kebanyakan rakan dagangan

NEER Ringgit*
0.8%
(S2 2025: 1.5%;
YTD: 5.3%)

MYR/USD
0.05%
(S2 2025: 5.1%;
YTD: 8.2%)

Indeks Dolar AS
0.9%
(S2 2025: -6.9%;
YTD: -8.3%)

*NEER: Kadar Pertukaran Nominal Efektif
Nota: Sejak awal tahun hingga 12 November 2025 (Year-to-date, YTD).

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan global yang lebih perlahan pada S3 2025

KDNK ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, %



¹Merujuk unjuran KDNK S3 2025 oleh Federal Reserve Bank of Atlanta kerana penutupan kerajaan telah menangguhkan siaran data KDNK sebenar.
Sumber: Pihak berkuasa negara

Prestasi perdagangan ekonomi serantau menjadi sederhana

Eksport ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, % (dalam dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Sorotan

- **Pertumbuhan global yang lebih perlahan**, disebabkan oleh tarif yang lebih tinggi mula mempengaruhi pertumbuhan dan ketidaktentuan kekal tinggi. Pertumbuhan di AS berterusan secara menyeluruh kerana penggunaan yang berdaya tahan mengimbangi pelaburan yang lebih perlahan. Di China, kemerosotan sektor harta tanah dan sentimen yang lemah terus menjejaskan pertumbuhan.

- **Aktiviti perdagangan ekonomi serantau berkurang.** Penurunan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh perdagangan yang lebih rendah dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) serta jentera dan peralatan (*machinery and equipment*, M&E), susulan lonjakan aktiviti sebelum ini untuk mendahului tarikh akhir tarif.

- **Inflasi keseluruhan menurun sedikit**, terutamanya dalam ekonomi sedang pesat membangun berikutan kejatuhan harga pertanian yang disebabkan oleh bekalan yang lebih tinggi bagi beberapa tanaman minuman terpilih (seperti koko dan kopi) serta bijirin.

- **Harga minyak mentah Brent meningkat sedikit** kepada USD68 setong pada S3 2025 (S2 2025: USD67 setong), disokong oleh permintaan yang berterusan daripada pasaran sedang pesat membangun (iaitu India). Sementara itu, bekalan yang lebih tinggi daripada OPEC+ dan ketegangan geopolitik yang semakin reda di Timur Tengah telah mengehadkan kenaikan harga selanjutnya.

Keluaran Dalam Negeri Kasar

KDNK mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 5.2% pada S3 2025

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ekonomi berkembang sebanyak 2.4% pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan suku tahunan, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S3 2025?

- Pertumbuhan perbelanjaan isi rumah yang berterusan, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif
- Aktiviti pelaburan yang stabil
- Pertumbuhan eksport berterusan yang didorong oleh eksport elektrik dan elektronik (E&E), aktiviti pelancongan yang rancak dan pemulihan eksport berkaitan perlombongan yang kukuh
- Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor pertanian menurun, didorong oleh prestasi yang lebih perlahan dalam subsektor getah, kelapa sawit dan pertanian lain

Prestasi Ekonomi Malaysia

Permintaan dalam negeri yang berterusan dan eksport bersih yang lebih tinggi

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta



5%
(S2 2025: 5.3%)

Perbelanjaan isi rumah yang berterusan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif

Pelaburan Swasta



7.3%
(S2 2025: 11.8%)

Pengembangan kapasiti selanjutnya oleh syarikat dan aktiviti pembinaan yang kukuh

Penggunaan Awam



7.1%
(S2 2025: 6.4%)

Pertumbuhan perbelanjaan emolumen serta perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi

Pelaburan Awam



7.4%
(S2 2025: 13.6%)

Disokong oleh perbelanjaan modal yang berterusan oleh syarikat awam

Eksport Bersih



17.7%
(S2 2025: -72.6%)

Pertumbuhan eksport yang berterusan dan pertumbuhan import yang lebih rendah

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan didorong oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan

Perubahan tahunan, %

Perkhidmatan



5%
(S2 2025: 5.1%)

Pertumbuhan berterusan yang didorong terutamanya oleh sektor berkaitan pengguna

Perkilangan



4.1%
(S2 2025: 3.7%)

Pengeluaran yang lebih kukuh dalam E&E dan barangan berkaitan pengguna

Pertanian



0.4%
(S2 2025: 2.5%)

Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam subsektor getah, kelapa sawit dan pertanian lain

Perlombongan



9.7%
(S2 2025: -5.2%)

Pemulihan dalam pengeluaran LNG dan minyak mentah selepas penyelenggaraan berjadual

Pembinaan



11.8%
(S2 2025: 12.1%)

Pertumbuhan kukuh yang berterusan merentas semua subsektor

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja kekal positif

- Kadar pengangguran kekal tidak berubah pada 3% pada S3 2025 (S2 2025: 3% daripada tenaga kerja).
- Guna tenaga meningkat kepada 16.97 juta orang pada S3 2025 (S2 2025: 16.85 juta orang) berikutan permintaan yang berterusan terhadap tenaga kerja.
- Bekalan tenaga kerja kekal menggalakkan apabila kadar penyertaan tenaga kerja terus meningkat kepada 70.9% pada S3 2025 (S2 2025: 70.8%).

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar pengangguran rendah

Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan berterusan dalam upah sektor swasta

Upah nominal dan benar sektor swasta,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Upah nominal mengikut sektor,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Trend Inflasi

Inflasi keseluruhan kekal stabil sepanjang suku ketiga manakala inflasi teras meningkat sedikit

- Inflasi keseluruhan kekal stabil pada 1.3%, manakala inflasi teras meningkat kepada 2%.
- Walaupun inflasi teras yang lebih tinggi meningkatkan tekanan terhadap inflasi keseluruhan, hal ini diimbangi oleh penurunan dalam harga ditadbir terpilih, khususnya elektrik dan diesel, pada suku tersebut.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras,
Perubahan tahunan, %



Nota: Inflasi teras dikira dengan mengecualikan barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi lebih meluas pada suku ketiga

- Bahagian item IHP yang mencatatkan kenaikan harga meningkat pada suku ketiga meskipun kekal di bawah purata yang pernah dicatatkan sebelum ini.
- Rebakan inflasi yang lebih meluas mencerminkan pelarasan harga secara beransur-ansur berikutan peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Service Tax, SST), walaupun tahap kenaikan harga kekal terkawal berikutan keadaan kos global yang sederhana.

Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulan ke bulan,
Bahagian, %



Nota: Data mulai tahun 2025 mencerminkan tambahan item baharu dalam kumpulan IHP berdasarkan HIES 2022.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Pertumbuhan eksport yang lebih tinggi manakala pertumbuhan import menurun

Eksport Kasar **6.7%**
S2 2025: 3.3%

Eksport perkilangan yang lebih tinggi, diterajui oleh eksport E&E serta eksport perlombongan yang bertambah baik

Import Kasar **0.4%**
S2 2025: 9%

Import modal yang lebih sederhana serta penguncupan yang lebih ketara dalam import pengantaraan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa serta aliran keluar akaun kewangan yang lebih besar

Akaun Semasa
RM12.2 bilion; 2.4% daripada KDNK
(S2 2025: RM0.3 bilion; 0.1%)

Faktor pendorong utama
- Lebihan barangan yang lebih tinggi, disokong oleh peningkatan eksport perkilangan dan perlombongan di samping import modal dan import pengantaraan yang lebih rendah.
- Akaun perkhidmatan kembali pulih untuk mencatatkan lebihan, didorong oleh peningkatan perkhidmatan berkaitan perjalanan dan pembinaan.
- Defisit pendapatan sekunder yang semakin kecil.

Yang mengimbangi
- Defisit akaun pendapatan primer yang semakin luas.

Akaun Kewangan
Aliran keluar bersih RM11.2 bilion
(S2 2025: Aliran keluar bersih RM2.2 bilion)

Faktor pendorong utama
- Aliran keluar bersih dalam pelaburan portfolio disebabkan oleh peningkatan penebusan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin.

Yang sebahagiannya mengimbangi
- Aliran masuk bersih pelaburan langsung, disebabkan oleh aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) yang lebih tinggi.
- Aliran masuk bersih dalam pelaburan lain didorong terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman antara bank oleh bank bukan pemastautin kepada bank pemastautin.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri yang lebih rendah

RM1.38 trilion atau 69.4% daripada KDNK
(S2 2025: RM1.4 trilion atau 71.4% daripada KDNK)
- Penjualan pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin.
- Penebusan bersih bon dan nota terutamanya oleh syarikat korporat.

Hutang luar negeri kekal terurus
% daripada jumlah hutang luar negeri

Mata wang

Dalam denominasi ringgit: 32.3%
Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit.
Dalam denominasi mata wang asing: 67.7%
yang 59.5% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 18.4% disebabkan oleh pinjaman antara syarikat berkaitan.

Tempoh Matang

Jangka sederhana dan panjang: 56.9%
Risiko pelanjutan terhad.

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih	**RM77.3 bilion** (S2 2025: RM63.1 bilion)
Rizab Antarabangsa[1]	**USD123.8 bilion** (S2 2025: USD120.6 bilion)

- **4.8 bulan** import barangan dan perkhidmatan
- **0.9 kali** hutang luar negeri jangka pendek

[1] Pada 31 Oktober 2025
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

Ringgit menambah nilai berbanding mata wang kebanyakan rakan dagangan utama

Penambahan nilai ringgit disokong oleh prospek ekonomi dalam negeri yang menggalakkan dan jangkaan terhadap dolar AS yang lebih lemah, susulan pemotongan kadar dasar oleh Federal Reserve AS pada bulan September.

Prestasi ringgit berbanding mata wang utama dan serantau terpilih
% sejak awal tahun sehingga kini dan suku tahun ke suku tahun



Nota: *Setakat 12 November 2025.
NEER merujuk kadar pertukaran efektif nominal ringgit yang mengukur prestasi ringgit berbanding sekumpulan mata wang rakan dagangan utama Malaysia.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan pasaran kewangan domestik dipengaruhi oleh faktor global dan dalam negeri

Kadar hasil bon yang stabil
apabila aliran keluar bukan pemastautin telah diimbangi oleh permintaan pelabur domestik sepanjang suku ketiga

Kadar Hasil MGS 10 tahun -2 mata asas
(S2 2025: -30 mata asas)

Pasaran ekuiti meningkat
selaras dengan ekuiti global, disokong oleh keuntungan syarikat korporat tempatan yang kukuh

KLCI +5.1% suku tahun ke suku tahun
(S2 2025: +1.3%)

Faktor utama yang mendorong pasaran global dan domestik

Jangkaan pemotongan kadar dasar selanjutnya oleh Federal Reserve AS berikutan keadaan pasaran pekerja yang lemah dan kebimbangan berhubung prospek pertumbuhan ekonomi AS

Ketegangan perdagangan telah mereda tetapi masih kekal tinggi susulan pengumuman perjanjian perdagangan

Prospek ekonomi dalam negeri yang positif, disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan seiring dengan komitmen Kerajaan terhadap pembaharuan struktur dan kemampanan fiskal

Sumber: Bank Negara Malaysia, Electronic Trading Platform (ETP) dan Bursa Malaysia

Kadar Faedah dan Mudah Tunai

Kadar faedah menurun pada suku ketiga susulan pengurangan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR)

Kadar faedah,
Pada akhir tempoh, %



- **Kadar antara bank menurun** pada suku ketiga, mencerminkan pindahan ketara dan segera daripada pengurangan 25 mata asas OPR pada 9 Julai 2025, dengan KLIBOR menurun antara 20 hingga 24 mata asas merangkumi semua tempoh matang dalam tempoh satu hari selepas pelarasan OPR.

- **Kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) runcit juga menurun** antara 30 hingga 33 mata asas bagi tempoh matang antara 1 hingga 12 bulan sepanjang suku ketiga.

- Kadar rujukan seperti Kadar Asas Standard (Standardised Base Rate, SBR), Kadar Asas (Base Rate, BR) dan Kadar Pinjaman Asas (Base Lending Rate, BLR) telah dilaraskan sepenuhnya, mencerminkan transmisi yang kukuh daripada pengurangan OPR. Berikutan hal ini, **kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) bagi pinjaman sedia ada menurun** sebanyak 21 mata asas.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Mudah tunai sistem perbankan terus menyokong pengantaraan kewangan

Mudah tunai ringgit terkumpul di BNM,
Pada akhir tempoh, RM bilion



- **Jumlah mudah tunai dalam sistem perbankan meningkat** sepanjang suku ketiga berikutan suntikan mudah tunai yang lebih tinggi oleh BNM.

- Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan lebihan penempatan semalaman di BNM pada akhir bulan September 2025.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan Kredit

Pertumbuhan kredit meningkat berikutan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam bon korporat dan pinjaman perniagaan terkumpul

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan,
Sumbangan kepada pertumbuhan, mata peratusan



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan utama

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]

5.9%
S2 2025: 5.2%

- Pertumbuhan dalam pinjaman terkumpul[2] kekal mampan pada 5.6% (S2 2025: 5.5%) susulan peningkatan pertumbuhan pinjaman perniagaan, manakala pertumbuhan pinjaman isi rumah menurun sedikit.
- Pertumbuhan bon korporat terkumpul berkembang pada kadar lebih pantas sebanyak 7.3% (S2 2025: 4.3%), disokong oleh beberapa penerbitan bon yang besar.

Pinjaman Perniagaan

5.4%
S2 2025: 4.5%

- Pertumbuhan pinjaman perniagaan meningkat kepada 5.4% susulan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman berkaitan pelaburan,[3] khususnya dalam kalangan bukan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).
- Pertumbuhan pinjaman PKS juga meningkat sedikit, disokong oleh pertumbuhan dalam pinjaman modal kerja berikutan permohonan pinjaman yang berterusan bagi tujuan ini.

Pinjaman Isi Rumah

5.7%
S2 2025: 6%

- Pinjaman isi rumah berkembang sebanyak 5.7% disebabkan oleh sedikit penurunan dalam pertumbuhan pinjaman untuk kegunaan peribadi.
- Walau bagaimanapun, permintaan pembiayaan kekal stabil secara keseluruhan bagi kebanyakan tujuan dengan kelulusan pembiayaan yang berterusan.

[1] Semua angka yang disebut adalah dalam bentuk perubahan tahunan.
[2] Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[3] Termasuk pinjaman untuk pembelian harta bukan kediaman, harta kediaman untuk kegunaan perniagaan, aset tetap serta untuk aktiviti pembinaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertimbangan Dasar

Sorotan Mesyuarat MPC bulan November 2025

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 2.75% dalam mesyuarat MPC bulan September 2025 dan terkini dalam mesyuarat MPC bulan November 2025.
- MPC akan terus memantau perkembangan semasa dan menilai imbangan risiko berhubung dengan prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri.

Dasar monetari adalah wajar dan memberikan sokongan terhadap ekonomi dalam keadaan harga yang stabil

Susulan langkah awalan pengurangan OPR sebanyak 25 mata asas pada mesyuarat MPC bulan Julai 2025, MPC telah mengekalkan OPR pada 2.75% dalam mesyuaratnya pada bulan September dan November 2025.

Pada mesyuarat November baru-baru ini, penunjuk terkini menunjukkan pengembangan yang berterusan dalam pertumbuhan global. MPC menilai bahawa walaupun kesan tarif yang lebih tinggi akan terus mempengaruhi pertumbuhan global, prospek pertumbuhan akan terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang berdaya tahan, inflasi yang semakin menurun, dasar monetari yang kurang ketat dan dasar fiskal yang memberikan sokongan. Penyelesaian lebih banyak rundingan perdagangan telah sedikit sebanyak meredakan ketidakpastian global. Pertumbuhan kekal berisiko menjadi perlahan disebabkan oleh kemungkinan tarif yang lebih tinggi, terutamanya tarif yang khusus bagi produk, serta ketegangan geopolitik yang semakin meruncing. Selain itu, terdapat kebimbangan mengenai penilaian dalam pasaran kewangan yang kekal tinggi. Pertumbuhan berpotensi menjadi pesat berikutan kesan tarif yang lebih sederhana terhadap kegiatan ekonomi serta dasar yang menyokong pertumbuhan di negara-negara maju.

Bagi ekonomi Malaysia, perkembangan terkini pada mesyuarat MPC bulan November menunjukkan pertumbuhan pada suku ketiga yang lebih baik daripada jangkaan, didorong oleh permintaan dalam negeri yang berterusan, eksport elektrik dan elektronik (E&E) yang berdaya tahan serta pengeluaran komoditi yang kembali pulih. Pada masa hadapan, MPC menilai bahawa permintaan dalam negeri yang berdaya tahan akan terus menyokong pertumbuhan menjelang tahun 2026. Guna tenaga, pertumbuhan upah serta langkah-langkah dasar berkaitan pendapatan akan kekal menyokong perbelanjaan isi rumah. Pengembangan aktiviti pelaburan akan didorong oleh kemajuan projek berbilang tahun yang dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, lebih banyak pelaksanaan berterusan pelaburan yang telah diluluskan serta inisiatif pemangkin yang terus dilaksanakan di bawah beberapa pelan induk nasional dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13). Langkah-langkah di bawah Belanjawan 2026 juga akan memberikan sokongan kepada pertumbuhan. MPC menilai bahawa prospek pertumbuhan ini kekal tertakluk pada ketidakpastian, khususnya berhubung dengan perkembangan global. Risiko prospek pertumbuhan menjadi perlahan kekal berpunca daripada perdagangan global yang lebih perlahan, sentimen yang lebih lemah serta pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan. Sementara itu, potensi pertumbuhan menjadi pesat boleh berpunca daripada prospek pertumbuhan global yang lebih baik, permintaan terhadap barangan E&E yang lebih kukuh dan aktiviti pelancongan yang giat.

Pertimbangan Dasar

Sejak awal tahun sehingga kini, inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing berpurata sebanyak 1.4% dan 1.9%. Pada masa hadapan, inflasi keseluruhan dijangka kekal sederhana pada tahun 2026 berikutan keadaan kos global yang terus reda. Harga komoditi global dijangka kekal sederhana, menyumbang kepada keadaan kos dalam negeri yang terkawal. Sementara itu, inflasi teras pada tahun 2026 dijangka kekal stabil dan hampir dengan purata jangka panjangnya, mencerminkan pengembangan berterusan dalam kegiatan ekonomi serta ketiadaan tekanan permintaan yang berlebihan. Dalam persekitaran ini, kesan keseluruhan langkah-langkah pembaharuan dasar dalam negeri yang telah dilaksanakan terhadap inflasi pada tahun 2026 dijangka terhad.

Pada tahap OPR semasa, MPC berpendapat bahawa pendirian dasar monetari adalah wajar dan memberikan sokongan terhadap ekonomi dalam keadaan harga yang stabil. MPC akan terus memantau perkembangan semasa dan menilai imbangan risiko berhubung dengan prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri.

Tinjauan Ekonomi Global

Prospek pertumbuhan global kekal tidak berubah; dijangka menurun susulan langkah tarif oleh AS dan tindakan balas

Ekonomi global:

- Secara keseluruhan, pertumbuhan global akan terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif, dasar monetari yang semakin dilonggarkan serta rangsangan fiskal di ekonomi utama.
- Penyelesaian rundingan perdagangan telah mengurangkan ketidakpastian berhubung dengan tarif AS, walaupun beberapa tarif yang khusus kepada produk tertentu masih belum jelas.
- Tarif dan ketidakpastian yang masih berkaitan dengannya dijangka terus mempengaruhi pertumbuhan global bagi baki tahun 2025.

Perdagangan global:

- Pertumbuhan perdagangan global juga dijangka terus sederhana bagi baki tahun 2025 apabila kesan aktiviti yang diawalkan menjadi reda.
- Walau bagaimanapun, permintaan berterusan terhadap barangan E&E akan membantu menyokong perdagangan, bersama-sama dengan pendorong struktur lain seperti peningkatan pendigitalan, pelaburan dalam inisiatif peralihan rendah karbon dan perdagangan intrarantau yang berterusan.

Risiko terhadap prospek pertumbuhan berpunca terutamanya daripada kemungkinan tarif yang lebih tinggi serta ketegangan geopolitik

- **Pertumbuhan berkemungkinan menjadi perlahan** antaranya berpunca daripada kemungkinan tarif yang lebih tinggi, terutamanya yang khusus bagi produk, dan konflik geopolitik yang kian meruncing. Selain itu, terdapat kebimbangan mengenai penilaian dalam pasaran kewangan yang kekal tinggi.
- **Pertumbuhan berpotensi menjadi pesat** berpunca daripada kesan tarif yang lebih sederhana serta sokongan dasar yang lebih besar di negara-negara maju.

Tinjauan Ekonomi Dalam Negeri

Prospek ekonomi dalam negeri kekal tidak berubah; permintaan dalam negeri yang berdaya tahan akan terus menyokong pertumbuhan

- Unjuran pertumbuhan kekal dalam lingkungan 4%–4.8% pada tahun 2025. Pertumbuhan ini akan didorong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan.
- Perbelanjaan isi rumah akan disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dan upah serta langkah-langkah dasar berkaitan pendapatan.
- Pengembangan aktiviti pelaburan akan terus didorong oleh kemajuan projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam, dan pelaksanaan berterusan pelaburan yang diluluskan serta inisiatif pemangkin yang terus dilaksanakan di bawah pelan induk nasional dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).
- Langkah-langkah Belanjawan 2026 juga akan memberikan rangsangan tambahan pada kegiatan ekonomi pada tahun 2026.
- Prestasi eksport dijangka terkesan oleh tarif dan permintaan luaran yang lebih sederhana. Walau bagaimanapun, pertumbuhan akan disokong oleh permintaan berterusan terhadap barangan elektrik dan elektronik, pelancongan ke dalam negeri, serta pemulihan eksport berkaitan perlombongan apabila pengeluaran dalam negeri disambung semula selepas selesai aktiviti penyelenggaraan.

Prospek pertumbuhan kekal tertakluk pada ketidakpastian, khususnya berhubung dengan perkembangan global

- **Pertumbuhan berkemungkinan menjadi perlahan** berpunca daripada perdagangan global yang lebih perlahan, sentimen yang lebih lemah dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan.
- **Potensi pertumbuhan menjadi pesat** mungkin terhasil daripada prospek pertumbuhan global yang lebih baik, permintaan yang lebih tinggi terhadap E&E serta aktiviti pelancongan yang giat.

Keadaan Permintaan Dalam Negeri

Perbelanjaan isi rumah akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif serta sokongan dasar

Upah Sektor Swasta dan Guna Tenaga
Perubahan tahunan, %



- **Perbelanjaan swasta dijangka terus berkembang** berikutan pertumbuhan upah yang berterusan, disokong oleh langkah-langkah dasar berkaitan pendapatan termasuk kenaikan gaji minimum dan kenaikan gaji penjawat awam di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).
- Walaupun permintaan luaran yang lebih sederhana mungkin mempengaruhi upah dalam sektor berorientasikan eksport, pertumbuhan upah keseluruhan akan disokong oleh sektor berorientasikan dalam negeri yang lebih mampan.
- Pindahan wang tunai seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) akan memberikan sokongan kepada perbelanjaan isi rumah.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kemajuan berterusan projek berbilang tahun dan rancangan pembangunan negara akan menyokong pertumbuhan pelaburan

Jumlah kelulusan pelaburan mengikut sektor oleh MIDA
RM bilion



- **Prospek pelaburan dijangka kekal mampan**, disokong oleh hasrat pelaburan yang menggalakkan dan pelaksanaan berterusan projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam.
- Keteguhan hasrat pelaburan pada separuh pertama tahun 2025, terutamanya dalam sektor perkhidmatan (62.3% daripada jumlah kelulusan pelaburan) mencerminkan aktiviti pelaburan yang menggalakkan oleh pelabur domestik dan asing.
- Pelaksanaan lanjut bagi projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2024 dan separuh pertama tahun 2025 (Jun 2025: masing-masing 83.5% dan 49.6% daripada jumlah projek yang diluluskan) pada pelbagai peringkat pelaksanaan dijangka terus menyokong pertumbuhan pelaburan.

Sumber: Malaysian Investment Development Authority (MIDA)

Keadaan Permintaan Luaran

Pertumbuhan eksport dijangka disokong oleh daya tahan sektor E&E

Pertumbuhan eksport kasar
Perubahan tahunan, %



- **Prospek eksport akan dipengaruhi oleh kesan tarif.**
- Walau bagaimanapun, daya tahan sektor E&E, yang didorong oleh permintaan berkaitan AI yang berterusan serta peranan penting Malaysia dalam rantaian nilai global E&E, akan menyokong pertumbuhan eksport.
- Selain itu, pemulihan eksport berkaitan perlombongan selepas selesai aktiviti penyelenggaraan dijangka memberikan sokongan kepada prestasi eksport.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pelancongan yang terus berkembang dijangka menyokong eksport

Ketibaan pelancong mengikut kewarganegaraan
% daripada tahun 2019



- **Aktiviti pelancongan ke dalam negeri akan terus menyokong eksport,** didorong oleh peningkatan ketersambungan penerbangan, pengecualian visa serta aktiviti promosi menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.
- Ketibaan pelancong dari China dijangka kekal kukuh berikutan kelonggaran visa, Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding, MOU) berhubung dengan kerjasama pelancongan antara Malaysia dengan China, serta pengenalan laluan penerbangan terus yang baharu.

Sumber: Tourism Malaysia

Tinjauan Inflasi

Inflasi dijangka kekal sederhana pada tahun 2025 dan 2026

- Inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka kekal sederhana bagi baki tahun ini. Berdasarkan Tinjauan Ekonomi 2026 terbitan Kementerian Kewangan, inflasi keseluruhan diunjurkan mencatatkan purata antara 1%–2% bagi tahun 2025 berikutan permintaan dalam negeri yang stabil dan keadaan kos global yang terus menyederhana. Kesemua faktor ini, bersama-sama dengan langkah-langkah Kerajaan untuk meredakan kesan pembaharuan dasar dalam negeri terhadap isi rumah, akan membantu mengekalkan persekitaran inflasi yang rendah dan stabil.
- Pembaharuan dasar dalam negeri yang dilaksanakan pada tahun 2025, seperti peluasan SST, penamatan subsidi telur dan pelarasan tarif utiliti, telah memberikan kesan sederhana secara keseluruhannya terhadap inflasi. Rasionalisasi subsidi RON95 yang dilaksanakan baru-baru ini dijangka menurunkan sedikit inflasi keseluruhan pada tahun 2025 dan 2026, berikutan penurunan harga bagi pengguna Malaysia daripada RM2.05/liter kepada RM1.99/liter untuk penggunaan hingga 300 liter.
- Menjelang tahun 2026, inflasi dijangka kekal sederhana[1] didorong oleh permintaan dalam negeri yang berterusan, keadaan pasaran pekerja yang stabil dan keadaan bekalan yang menggalakkan.

[1] Berdasarkan Tinjauan Ekonomi 2026 oleh Kementerian Kewangan, inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata antara 1.3% - 2% bagi tahun 2026.

Prospek inflasi akan tetap bergantung terutamanya pada risiko daripada persekitaran luaran

- **Persekitaran luaran** kekal sebagai sumber utama ketidakpastian. Risiko terhadap prospek asas inflasi bergantung pada trajektori perkembangan global.
    - **Risiko kenaikan inflasi** mungkin timbul daripada kos luaran yang lebih tinggi berikutan ketidaktentuan perdagangan dan ketegangan geopolitik (contohnya melalui harga komoditi dan gangguan bekalan).
    - **Risiko penurunan inflasi** mungkin berpunca daripada pertumbuhan global dan aktiviti perdagangan yang lebih perlahan, lantas menyumbang kepada penurunan harga komoditi. Selain itu, penurunan kos input yang berterusan disebabkan oleh nilai ringgit yang lebih kukuh boleh memberikan tekanan menurun selanjutnya terhadap inflasi. Keadaan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana dalam keadaan permintaan luaran yang lebih lemah juga boleh mempengaruhi tekanan harga secara keseluruhan.
- **Pada peringkat dalam negeri,** meskipun sesetengah pelarasan harga berikutan langkah dasar baru-baru ini (contohnya, peluasan SST) masih mungkin berlaku pada jangka masa terdekat, kesan limpahan yang lebih meluas dijangka terhad. Keadaan ini mencerminkan penetapan harga yang lebih berhati-hati oleh syarikat perniagaan dalam keadaan persaingan yang ketara serta penurunan harga input global yang lebih meluas, yang berkemungkinan dapat mengimbangi tekanan kos.

Rencana

Daripada Bait kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia

Ringkasan

- Permintaan global yang semakin meningkat terhadap kecerdasan buatan (*artificial intelligence,* AI) dan pengkomputeran awan menjadikan pertumbuhan pusat data semakin pesat. Malaysia sedang muncul sebagai destinasi utama di rantau Asia Pasifik berikutan lokasinya yang strategik, kos yang kompetitif serta disokong ekosistem digital yang kondusif.
- Pusat data menawarkan peluang yang besar dengan menarik pelaburan langsung asing bernilai tinggi, memperluas dan memperdalam pendigitalan merentas sektor serta menyumbang secara langsung dan tidak langsung kepada KDNK dan juga penciptaan pekerjaan. Namun, peningkatan ketara pelaburan pusat data ini turut membawa risiko, khususnya dari segi kekangan sumber dan tekanan terhadap imbangan akaun semasa negara.
- Oleh itu, intervensi dasar yang bersifat strategik amat penting bagi memastikan negara meraih sepenuhnya manfaat daripada pertumbuhan pusat data, sekali gus menangani cabaran yang berkaitan dengan berkesan.

Kemunculan Malaysia sebagai hab pusat data utama

Trend digital global seperti AI generatif dan pengkomputeran awan sedang memacu permintaan terhadap penyelesaian untuk menguruskan dan memproses data dalam jumlah yang besar. Sehubungan dengan itu, pusat data telah menjadi komponen penting untuk penyimpanan data, perkhidmatan hos aplikasi serta sokongan menyokong pembangunan AI. Meskipun institusi secara tradisinya menyimpan data di premis sendiri, keperluan yang semakin meningkat terhadap penyelesaian boleh skala telah menjadikan khidmat pusat data pihak ketiga, contohnya penyedia lokasi pelayan (colocation) dan penyedia pengkomputeran awan awam berskala besar (hyperscaler) sebagai pilihan yang lebih menjimatkan kos.

Secara khusus, penggunaan AI oleh pusat data dijangka meningkat lebih pantas berbanding dengan pengkomputeran tradisional berikutan percambahan alat AI. Menjelang tahun 2027, anggaran[1] menunjukkan bahawa penggunaan kuasa oleh pusat data pada peringkat global akan semakin beralih kepada AI (iaitu 27% daripada jumlah penggunaan kuasa pusat data, berbanding 14% setakat bulan Februari 2025) daripada aktiviti penyimpanan (iaitu 23%, berbanding 32%). Wilayah Amerika Utara telah menerima pelaburan pusat data yang paling tinggi berikutan kehadiran syarikat teknologi besar, mencakupi 41% daripada pasaran pusat data global pada tahun 2024 (2023: 38%[2]). Syarikat pusat data kini sedang meluaskan tumpuan mereka ke rantau sedang pesat membangun seperti Asia Pasifik, sekali gus memberikan manfaat kepada negara seperti Singapura, Hong Kong, Indonesia dan Malaysia (Rajah 1).

Kapasiti terkumpul pusat data yang beroperasi di Malaysia telah meningkat secara ketara antara tahun 2021 hingga suku ketiga 2025 (Rajah 2). Pusat-pusat data ini digunakan untuk pasaran dalam negeri dan antarabangsa bagi memenuhi permintaan daripada penggunaan media sosial, AI dan pengkomputeran awan oleh orang ramai.

Rajah 1: Bekalan Pusat Data Global yang Beroperasi



Nota: APAC merujuk Asia Pasifik, sementara EMEA merujuk Eropah, Timur Tengah dan Afrika.
Sumber: DC Byte

[1] Sumber: AI to drive 165% increase in data center power demand by 2030 | Goldman Sachs
[2] Sumber: Precedence Research, 2024: https://www.precedenceresearch.com/data-center-market, 2023: https://rss.globenewswire.com/news-release/2024/09/18/2948393/0/en/Data-Center-Market-Size-Expected-to-Reach-USD-775-73-Billion-by-2034.html

Daripada Bait kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia

Rajah 2: Kapasiti Terkumpul Pusat Data Malaysia yang Beroperasi
Megawatt, MW



a Awalan setakat 10 November 2025
* Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompaun (Compounded Annual Growth Rate, CAGR)
Sumber: DC Byte, anggaran Bank Negara Malaysia

Pusat data telah menjadi sumber utama pelaburan langsung asing, lantas menyokong aspirasi pendigitalan Malaysia

Ekosistem pelaburan Malaysia yang kondusif merupakan faktor penting bagi menarik pelaburan untuk pusat data, terutamanya oleh penyedia perkhidmatan awan utama (Gambar Rajah 1). Perkembangan ini telah mengubah komposisi pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) ke Malaysia, apabila pelaburan untuk pusat data mengatasi sektor perkilangan sebagai penerima utama FDI sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Rajah 3).

Gambar Rajah 1: Faktor-faktor yang Menarik Pelaburan

Lokasi strategik Malaysia yang berhampiran titik pendaratan kabel dasar laut memudahkan sambungan berkelajuan tinggi

Ketersediaan sumber seperti tenaga, bekalan air dan tenaga kerja mahir, serta kemudahan pantas untuk sambungan grid kuasa dan harga tanah yang berdaya saing

Dasar kerajaan yang menggalakkan, disokong oleh insentif daripada MIDA dan MDEC

Contoh FDI Utama Mengikut Pusat Data[3]

aws
RM29.2 bilion
(2023–38)

Microsoft
RM10.5 bilion
(2024–2027)

Google
RM9.4 bilion
(2024–30)

[3] Berdasarkan maklumat yang diumumkan oleh syarikat pusat data.
Sumber: MIDA, MDEC dan aliran berita

Rajah 3: Aliran Masuk FDI Malaysia Mengikut Industri
% daripada jumlah aliran masuk FDI



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Daripada Bait kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia

Kemasukan FDI ini menyokong **kemajuan inisiatif pendigitalan Malaysia**. Di samping menyokong matlamat di bawah Rangka Tindakan Ekonomi Digital (2021–30) (Gambar Rajah 2), pusat data juga akan memainkan peranan penting ke arah mencapai sasaran Pelan Induk Perindustrian Baharu (New Industrial Master Plan, NIMP) (Gambar Rajah 3).

Kehadiran pusat data di Malaysia turut menawarkan beberapa kelebihan berbanding dengan penyimpanan data di luar negara.

- **Pengurangan kependaman (*latency*)** akan meningkatkan kelajuan dan kesalinghubungan kerana data bergerak pada jarak yang lebih dekat antara pengguna dengan lokasi penyimpanannya. Sebagai contoh, kependaman yang rendah membolehkan perniagaan melaksanakan dan mengendalikan teknologi canggih secara berkesan untuk membuat keputusan masa nyata, kawalan ketepatan serta pemprosesan data berfrekuensi tinggi. Manakala peniaga runcit dalam talian misalnya, akan memperoleh manfaat daripada peningkatan jualan susulan pengalaman pelanggan yang lebih baik.

- **Caj yang lebih rendah** kepada perniagaan dan pengguna. Hal ini disebabkan oleh pengurangan kos berikutan ketiadaan fi pindahan wang rentas sempadan serta penggunaan sumber yang berdaya saing (seperti utiliti) di Malaysia berbanding dengan di luar negara.

- **Kedaulatan data (*data sovereignty*)** berhubung dengan cabaran pengawalseliaan serta kebimbangan mengenai privasi. Malaysia akan mempunyai pengawasan yang lebih luas terhadap cara data digunakan dan dimanfaatkan secara komersial. Hal ini juga akan memastikan perlindungan terhadap maklumat penting dalam sektor perbankan, penjagaan kesihatan dan kerajaan.

Gambar Rajah 2: Rangka Tindakan Ekonomi Digital (2021-2030)



Sumber: Kementerian Ekonomi

Gambar Rajah 3: Bidang Sumbangan oleh pusat data kepada sasaran NIMP



Meningkatkan Kompleksiti Ekonomi

Aplikasi digital berkemahiran tinggi oleh Penyedia Perkhidmatan Awan (Cloud Service Providers, CSP) multinasional boleh membantu Malaysia bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai digital dan pada masa yang sama mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi



Memperkasakan Teknologi Digital Negara

Pusat data menyokong perniagaan termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam penggunaan alat digital dan penerapan digital merentas sektor dengan menyediakan asas untuk penggunaan AI dan pembangunan produk daripada infrastruktur awan.

Sumber: Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia

Daripada Bait kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia

Pertumbuhan pusat data memberikan manfaat kepada industri merentas rantaian bekalan dan pada masa yang sama mewujudkan pekerjaan dengan gaji yang lebih tinggi

1) Sumbangan secara langsung kepada keluaran ekonomi

Pusat data menyumbang secara langsung kepada KDNK melalui pelbagai saluran. Pertama, kesan ekonomi bermula pada peringkat awal pelaburan pusat data, termasuk pembinaan fasiliti yang boleh mengambil masa hingga tiga tahun.4 Semasa fasa sebelum pembinaan, pengendali akan mendapatkan khidmat profesional bagi urusan permit, perancangan dan reka bentuk. Seterusnya, semasa fasa pembinaan dan penyediaan, pelaburan dalam infrastruktur bangunan dan pemasangan peralatan menyumbang kepada pembentukan modal tetap kasar (PMTK). Kedua, melalui penggunaan swasta iaitu gaji yang dibayar kepada pekerja pusat data, seperti profesional IT, jurutera, juruteknik dan pengurus fasiliti, yang apabila dibelanjakan akan merangsang kegiatan ekonomi. Akhir sekali, apabila beroperasi, pusat data akan menyumbang melalui saluran perdagangan iaitu eksport perkhidmatan ICT kepada pelanggan antarabangsa, serta berpotensi mengurangkan kebergantungan terhadap import perkhidmatan ICT oleh pelanggan dalam negeri.

Anggaran awal Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa kesan langsung daripada operasi pusat data menyumbang kira-kira RM0.9 bilion kepada KDNK pada tahun 2021 (Rajah 4).

Rajah 4: Sumbangan Langsung Pusat Data kepada KDNK Benar
RM bilion



r Ramalan
Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Jumlah ini dijangka meningkat dengan ketara kepada RM14.1 bilion pada tahun 2025, apabila lebih banyak projek pusat data mula dibina serta mula beroperasi. Anggaran ini mencerminkan kegiatan ekonomi yang dijana melalui pembinaan dan operasi pusat data serta penggantian import, apabila lebih banyak perkhidmatan disediakan di dalam negeri melalui pusat data tempatan. Anggaran ini turut mengambil kira kesan imbangan terhadap KDNK yang disebabkan oleh import besar-besaran peralatan khusus, berikutan kesediaan alternatif yang terhad di dalam negeri.

[4] Sumber: Sesi libat urus Bank Negara Malaysia

Daripada Bait kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia

Gambar Rajah 4: Ekosistem Pusat Data dalam Ekonomi



[1] Perjanjian Rangka Kerja Awan ialah perjanjian formal antara kerajaan Malaysia dengan Penyedia Perkhidmatan Awan (Cloud Service Provider, CSP) serta Penyedia Perkhidmatan Terurus (Managed Service Providers, MSP) terpilih untuk menyediakan perkhidmatan awan kepada agensi sektor awam.

[2] MNC merujuk syarikat multinasional atau *multinational corporations*.

Sumber: Diadaptasi daripada MDEC, "Finland's Economic Opportunities from Data Centre Investment" oleh Copenhagen Economics, "The Digital Value Chain: Risk and Unintended Consequences" oleh Shimona Shodipo, "Data Centre: Engines of Growth" oleh Tech UK dan sesi libat urus Bank Negara Malaysia

2) Mempertingkatkan industri merentas rantaian bekalan pusat data

Meskipun kesan langsung terhadap KDNK mungkin sederhana, manfaat ekonomi secara keseluruhan meningkat dengan ketara apabila manfaat tidak langsung merentas rantaian bekalan pusat data diambil kira (Gambar Rajah 4). Kesan tidak langsung ini direalisasikan melalui rantaian ke belakang dan ke hadapan, apabila syarikat dalam pelbagai industri memperoleh manfaat daripada pengembangan industri pusat data.

Rantaian ke belakang menyokong industri huluan yang menyediakan input untuk membina dan mengoperasikan pusat data. Rantaian ini termasuk pengeluar simen, keluli dan kaca bagi sektor pembinaan, manakala peningkatan permintaan terhadap utiliti menyokong pembekal transformer dan kabel.

Rantaian ke hadapan terbentuk sebaik sahaja pusat data mula beroperasi. Penyedia perkhidmatan awan (*cloud service providers*, CSP) akan bekerjasama dengan firma perunding IT, penyedia perisian bebas serta syarikat yang membekalkan perkakasan IT dan latihan profesional tenaga kerja untuk menawarkan perkhidmatan digital kepada pelanggan mereka.

Pusat data menjana manfaat ekonomi melalui kesan himpitan ke dalam (crowding-in), iaitu menarik minat pembekal peralatan asing untuk membangunkan fasiliti perkilangan di Malaysia. Sebagai contoh, pertumbuhan pesat pusat data berskala besar (hyperscale) telah menarik minat para pengeluar rak pelayan, rak modular prafabrikasi dan unit pengagihan penyejukan ke negara ini. Memanfaatkan rangkaian pembekal ini boleh membuka peluang kepada Malaysia untuk mengembangkan lagi asas perindustrian negara.

Rantaian ke hadapan ini turut mewujudkan peluang kepada syarikat tempatan termasuk PKS bagi memanfaatkan perkhidmatan awan serta keupayaan pusat data untuk mempercepat penerapan digital dan AI. Syarikat perniagaan boleh mengakses kuasa pengkomputeran boleh skala, penyimpanan data yang selamat serta alat analisis yang canggih, seperti yang dialami di negara yang mempunyai pusat data yang pesat berkembang (Jadual 1).

Daripada Bait kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia

Jadual 1: Kajian Kes PKS yang Memanfaatkan Keupayaan Pusat Data

Industri	Cabaran	Hasil
Perkilangan Berteknologi Tinggi	**Pengurusan Rantaian Bekalan:** Turun naik permintaan dan masa penghantaran menjejaskan pengurusan stok dan keuntungan	**Model AI bersepadu untuk membuat unjuran jualan,** mengurangkan kos inventori dan pada masa yang sama meningkatkan kecekapan
	Kecekapan Operasi: Pemprosesan dan analisis data secara manual.	**Penerapan platform analisis data AI** untuk mengumpul, memproses dan menganalisis prestasi operasi. Pendekatan ini mengurangkan aktiviti manual dan membolehkan pengagihan semula sumber secara strategik
Runcit	**Sistem Pembayaran:** Penggunaan tenaga kerja yang intensif dan berisiko mengalami kelewatan, terutamanya semasa waktu permintaan yang tinggi	**Memanfaatkan perkhidmatan berasaskan awan** bagi memusatkan dan mengautomasikan proses pembayaran merentas pelbagai cawangan
	Pemasaran E-dagang: Kesukaran untuk mengekalkan dan menyasarkan pelanggan	**Penggunaan penyelesaian AI** untuk mengenal pasti segmen dan mengutamakan pelanggan, menambah baik sasaran kempen pemasaran
Perkhidmatan	**Persekitaran Kerja:** Susur atur pejabat yang tidak fleksibel	**Perkhidmatan awan** membolehkan aturan kerja jarak jauh yang fleksibel dan meningkatkan akses kepada maklumat kerja
	Komunikasi: Kemas kini yang tepat pada masa kepada pengendali perkhidmatan bagi memastikan keperluan pelanggan dipenuhi dengan tepat	**Memperkemas operasi menggunakan pengkomputeran awan**, memastikan sokongan bagi penyampaian perkhidmatan jarak jauh dan pada masa yang sama memastikan keselamatan data mematuhi peraturan

Sumber: Agensi Kerajaan, laporan syarikat dan aliran berita

Kesemua perkhidmatan ini juga lebih menjimatkan kos berbanding dengan melanggan perkhidmatan yang sama sekiranya pusat data terletak di luar negara.

Industri pusat data tempatan yang kukuh merupakan pemangkin yang sangat penting kepada pendigitalan dan penerapan AI di Malaysia. Pusat data menyediakan kuasa pengkomputeran dan keupayaan penyimpanan yang diperlukan untuk melaksanakan penyelesaian AI yang canggih. Penubuhan pusat data di dalam negeri bukan sahaja menarik lebih banyak firma teknologi global tetapi juga merangsang pertumbuhan syarikat pemula AI tempatan serta limpahan ekonomi digital lain, dan pada masa yang sama memupuk inovasi. Hal ini seterusnya akan meningkatkan pulangan produktiviti merentas sektor dan boleh meningkatkan eksport perkhidmatan ICT Malaysia, mengurangkan kebergantungan terhadap CSP luar negara dan akhirnya menyokong pembentukan ekonomi yang inklusif dari segi digital. Bagi tempoh jangka panjang, ekosistem pusat data tempatan yang mantap akan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab teknologi serantau, sekali gus menjana kesan pengganda untuk inovasi, pembangunan tenaga mahir dan pertumbuhan ekonomi.

3) Mengembangkan Pasaran Pekerja Malaysia dengan Pekerjaan Bergaji Tinggi

Pusat data menyumbang kepada penciptaan pekerjaan namun lazimnya menjana jumlah pekerjaan yang kurang berbanding dengan industri seperti perkilangan disebabkan oleh automasi dan operasi jarak jauh. Walau bagaimanapun, peranan pekerjaan pusat data adalah sangat khusus, mendapat permintaan yang tinggi dan bergaji besar meskipun bagi jawatan peringkat permulaan (Rajah 5).

Daripada Bait kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia

Rajah 5: Purata Gaji Pekerjaan Pusat Data berbanding Gaji Median Malaysia (RM)



Nota: Pekerjaan pusat data peringkat permulaan merujuk jawatan asas dan peringkat lebih rendah dalam kejuruteraan atau pakar awan. Pekerjaan pusat data peringkat berpengalaman pula merujuk jawatan pengurusan seperti pengurus fasiliti dan pengarah projek. Anggaran yang digunakan adalah berdasarkan maklumat yang tersedia dalam laman Jobstreet.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Jobstreet dan sesi libat urus Bank Negara Malaysia

Pusat data mengambil profesional sebagai pekerja seperti pakar rangkaian, arkitek awan dan saintis data. Bagi memenuhi permintaan yang meningkat terhadap jawatan ini, CSP telah memperkenalkan pensijilan khusus untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan bagi mengoptimumkan platform mereka. Langkah ini membantu meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan mempersediakan mereka untuk keperluan industri dan pada masa yang sama memastikan rakyat Malaysia dilengkapi dengan keupayaan untuk memanfaatkan ekonomi digital.

Risiko Berkaitan Dengan Pusat Data

Permintaan sumber yang tinggi

Pusat data memerlukan penggunaan elektrik dan air dalam jumlah yang besar untuk beroperasi dan menyejukkan peralatan. Contohnya, pusat data 50MW akan menggunakan tenaga elektrik dan air yang masing-masing hampir menyamai penggunaan ~22,000[5] dan ~2,200[6] isi rumah sehari (Gambar Rajah 5).

Walaupun pusat data semakin menerapkan amalan lestari seperti sistem penyejukan cekap tenaga untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar, langkah ini sahaja tidak mencukupi. Sekiranya negara terus bergantung pada tenaga tidak boleh diperbaharui dan bukan sebaliknya, pertumbuhan industri ini mungkin menyebabkan sasaran pelepasan sifar bersih Malaysia menjelang tahun 2050 tidak tercapai.

Tambahan lagi, pengembangan pusat data tanpa kawalan boleh membebankan infrastruktur dalam negeri termasuk grid elektrik, bekalan air dan penggunaan tanah. Tekanan seperti ini berisiko mengganggu atau mengetepikan keutamaan pembangunan lain seperti kawasan perindustrian, perumahan, kemudahan awam dan zon pertanian. Tanpa perancangan yang strategik dan terselaras, hal ini boleh mengakibatkan kekangan utiliti, kos yang lebih tinggi untuk sektor lain serta menjejaskan perancangan bandar jangka panjang.

[5] Anggaran dibuat dengan andaian bahawa penggunaan elektrik harian bagi isi rumah yang mengandungi empat orang adalah sebanyak 54.6kWh/hari (Sumber: Electric power consumption (kWh per capita) - Malaysia | Data)

[6] Pengiraan dibuat dengan menganggarkan pengguna air bagi isi rumah yang mengandungi empat orang adalah sebanyak 1,160 liter sehari (Sumber: SPAN: Perlis, Terengganu, Kedah record highest amount of domestic water use in Malaysia | Malay Mail) dan kecekapan penggunaan air sebanyak 2.2 m^3/MWh (Sumber: MIDA Guideline-for-Sustainable-Development-of-Data-Centre.pdf)

Daripada Bait kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia

Oleh itu, sangat penting untuk melaksanakan tadbir urus sumber yang wajar, merancang infrastruktur yang terselaras dan memelihara kelestarian bagi memastikan pembangunan dan operasi pusat data tidak terlalu membebankan infrastruktur tempatan serta terus selari sepenuhnya dengan hala tuju penyahkarbonan negara.

Gambar Rajah 5: Risiko terhadap Kelestarian daripada Aktiviti Pusat Data

Pusat data berkapasiti 50 MW menggunakan sumber harian yang setara dengan:

Penggunaan elektrik untuk **~22,000 isi rumah**

Penggunaan air untuk **~2,200 isi rumah**

Dan pada masa yang sama mewujudkan **risiko tambahan** kepada:

Keperluan pembangunan lain seperti kemudahan perkilangan, perumahan, kemudahan awam dan zon pertanian. Permintaan sumber yang tinggi oleh pusat data **meningkatkan persaingan** untuk elektrik, air dan penggunaan tanah.

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Risiko terhadap Ketidakseimbangan Luaran

Pusat data mengimport peralatan khusus seperti rak pelayan dan sistem penyejukan dalam jumlah yang besar kerana kapasiti pengilangan tempatan yang terhad. Hal ini menyebabkan lonjakan import modal dalam beberapa tahun kebelakangan ini (purata Januari–September 2025: RM17.8 bilion; purata 2024: RM13.9 bilion; purata 2022: RM10.7 bilion), sekali gus memberikan tekanan terhadap imbangan akaun semasa (*current account balance,* CAB) Malaysia (Rajah 6). Tekanan ini sedikit sebanyak akan diimbangi oleh eksport perkhidmatan ICT apabila pusat data mula beroperasi.

Rajah 6: Import Modal dan Imbangan Akaun Semasa Secara Keseluruhan bagi Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

Daripada Bait kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia

Walau bagaimanapun, kesan positif ini hanya akan dapat dilihat apabila pusat data siap dan beroperasi sepenuhnya, dan sumbangannya dalam masa terdekat dijangka masih sederhana.

Yang penting, telah ada tanda-tanda awal bahawa pusat data sudah mula memberikan sumbangan positif kepada eksport perkhidmatan ICT. Antara bulan Januari hingga September 2025, eksport perkhidmatan ICT meningkat sebanyak 9% kepada RM16.8 bilion iaitu lebih tinggi berbanding dengan RM15.5 bilion yang direkodkan dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Pergantungan yang berterusan terhadap import peralatan dan barangan penting yang berkaitan turut melemahkan rantaian ke belakang bagi pusat data kerana hal ini mengehadkan peluang untuk vendor tempatan dari segi penciptaan nilai dalam negeri serta pemindahan teknologi. Oleh itu, pembangunan rantaian bekalan domestik Malaysia adalah penting untuk memenuhi permintaan global terhadap teknologi pusat data.

Selain itu, sama seperti FDI lain, akaun pendapatan primer Malaysia akan berhadapan dengan tekanan apabila syarikat pusat data milik asing mula menghantar balik keuntungan ke negara asal. Syarikat-syarikat ini menjana keuntungan daripada perkhidmatan pengehosan dan awan serta perkhidmatan daripada kemudahan penyewaan dan penyejukan kepada penyewa. Keuntungan ini akan dihantar semula ke luar negara sebagai dividen atau perolehan tertahan.

Keutamaan dasar bagi memaksimumkan kehadiran pusat data di Malaysia

Kerajaan menyedari kepentingan industri pusat data dan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan lagi pertumbuhan ekosistemnya. Antara teras kepada usaha ini ialah penubuhan Pasukan Petugas Pusat Data kebangsaan antara agensi yang diketuai oleh Kementerian Perdagangan, Pelaburan dan Industri dan Kementerian Digital yang bertujuan untuk memacu pertumbuhan mampan serta memperkukuh ekosistem pusat data.

Bagi menggalakkan kemampanan dalam industri pusat data yang semakin berkembang ini, Kerajaan telah memperkenalkan penanda aras yang khusus untuk **Keberkesanan Penggunaan Tenaga** (Power Usage Effectiveness, PUE) dan **Keberkesanan Penggunaan Air** (Water Usage Effectiveness, WUE). Metrik ini bukan sekadar standard alam sekitar tetapi juga membentuk sebahagian daripada kriteria kelayakan untuk insentif di bawah Skim Pecutan Ekosistem Digital (Digital Ecosystem Acceleration Scheme, DESAC), lantas menyelaraskan pertumbuhan industri dengan aspirasi sifar bersih Malaysia.

Tambahan lagi, Kerajaan sedang menghasilkan Kerangka Pembangunan Industri Pusat Data yang Mampan di Malaysia untuk memastikan pendekatan terselaras bagi dasar berkaitan pembangunan pusat data. Kerangka ini akan merangkumi pelbagai isu berkenaan pusat data, termasuk penyimpanan, keselamatan dan integrasi data. Kesemua langkah ini penting bagi memastikan pertumbuhan industri pusat data yang mampan.

Daripada Bait kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia

Kejayaan strategi dan pelaksanaan dasar adalah penting untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang daripada pelaburan pusat data dan pada masa yang sama menguruskan risiko, berlandaskan prinsip yang berikut:

(I) Meningkatkan limpahan ekonomi melalui rantaian ke hadapan dan ke belakang

Memandangkan kesan langsung pelaburan pusat data terhadap ekonomi adalah sederhana, penting untuk rantaian industri pusat data dikukuhkan bagi melonjakkan kesan tidak langsung terhadap pertumbuhan serta menyokong industri dan pekerjaan yang berkaitan.

Pangkalan data syarikat rantaian bekalan pusat data tempatan akan mengetengahkan syarikat tempatan yang terlibat, lantas berpotensi menambah baik proses pemadanan pengendali pusat data dengan vendor tempatan. Langkah ini juga membantu Kerajaan mengenal pasti keupayaan dan jurang dalam kalangan peserta tempatan bagi menyokong intervensi dasar yang bersasar, supaya syarikat boleh bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai dan meningkatkan kapasiti.

Rantaian ke hadapan boleh diperkukuh dengan menggalakkan syarikat untuk menggunakan dan beralih kepada teknologi awan. Langkah ini adalah untuk membolehkan mereka **memanfaatkan infrastruktur yang mempunyai kependaman rendah dan kos yang berdaya saing, serta alat yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan Awan (Cloud Service Provider, CSP)**, yang penting untuk meningkatkan produktiviti dan hasil. Langkah-langkah untuk mencapai matlamat ini termasuk memberikan tumpuan awal pada usaha meningkatkan kesedaran dan menyediakan sokongan perniagaan bagi membantu syarikat menggunakan alat digital baharu serta melaksanakan strategi ke arah pengkomersialan (Gambar Rajah 6).

Gambar Rajah 6: Pendekatan Terpilih untuk Mempercepat Penerapan Pendigitalan oleh Perniagaan



Sumber: Agensi kebangsaan dan aliran berita

Daripada Bait kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia

Menangani pembangunan industri berkaitan juga akan merangsang rantaian ke hadapan pusat data di Malaysia. Khususnya, matlamat ini boleh dicapai dengan mewujudkan ekosistem digital yang berteraskan perkhidmatan di sekitar pusat data utama. Langkah ini boleh melibatkan rakan kerjasama perkhidmatan teknologi pakar penyelesaian serta penyedia perisian dan aplikasi/perkhidmatan berkaitan CSP (contohnya pengintegrasi sistem dan firma perunding IT) yang akan mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, meningkatkan produktiviti dan inovasi serta memperkukuh daya saing tenaga mahir tempatan.

(II) Menguruskan kesan luaran yang negatif daripada pusat data

Kekangan sumber dan tekanan terhadap imbangan akaun semasa merupakan antara risiko utama dan semerta yang timbul terhadap ekonomi berhubung dengan pusat data kepada ekonomi. Bagi menangani cabaran ini, usaha dasar perlu memberikan tumpuan pada usaha **mengurangkan pergantungan terhadap import dan memastikan pengurusan sumber yang mampan**.

Bagi memastikan sokongan diberikan kepada kemampanan pertumbuhan Malaysia, mengaitkan insentif fiskal kepada penanda aras PUE dan WUE merupakan langkah permulaan yang baik. Langkah-langkah lain boleh termasuk mewajibkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui sejajar dengan Pelan Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR). Penyelarasan dengan pihak berkuasa utiliti adalah sangat penting untuk mengelakkan tekanan pada grid dan sumber.

Sangat penting untuk menarik projek pelaburan berkualiti yang dapat meningkatkan keupayaan industri tempatan dan menerapkan teknologi yang mampan. Keutamaan perlu diberikan kepada projek yang berupaya memajukan kepakaran Malaysia dalam AI serta pembelajaran mesin, dengan matlamat untuk meningkatkan lagi pertumbuhan eksport perkhidmatan ICT.

(III) Membangunkan tenaga mahir yang bersedia menghadapi masa hadapan bagi memenuhi keperluan industri yang kian berkembang

Merapatkan jurang antara kebimbangan mengenai permintaan terhadap tenaga mahir dengan isu penawaran tenaga mahir (contohnya, isu tenaga mahir tempatan yang terhad dengan isu latihan yang tidak sepadan dengan keperluan industri) **melalui kerjasama antara industri dengan agensi.** Inisiatif seharusnya mendorong akses yang lebih mudah kepada latihan yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan Awan, program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training, TVET) bertauliah dan kursus kendiri yang disesuaikan dengan keperluan tempatan.

Daripada Bait kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia

Gambar Rajah 7: Ciri Konsep untuk Pembangunan Tenaga Mahir CSP



Kesimpulan

Permintaan terhadap pusat data dijangka kekal kukuh seiring dengan trend global dan teknologi, khususnya pertumbuhan AI, pengembangan pengkomputeran awan dan transformasi digital. Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan pertumbuhan ini melalui lokasi geografi, infrastruktur digital dan tenaga kerja berkemahiran untuk menarik pelaburan, memacu pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan pekerjaan berasaskan pengetahuan yang menawarkan gaji lebih tinggi.

Bagi merealisasikan sepenuhnya manfaat ini, intervensi dasar perlu ditumpukan pada pembangunan ekosistem pusat data dan memperkukuh integrasi pusat data dengan ekonomi yang lebih luas, dan pada masa yang sama menguruskan risiko yang timbul. Perhatian khusus juga perlu diberikan pada usaha memperteguh rantaian ke hadapan bagi mempercepat pendigitalan dan penerapan AI merentas industri.

Rujukan

Bank Negara Malaysia (2025). Perdagangan Perkhidmatan Digital di Malaysia: Peluang dan Keutamaan Dasar

DCByte (2025). Global Data Centre Index 2025

Jabatan Perangkaan Malaysia (2025). Akaun Satelit Teknologi Maklumat Dan Komunikasi 2024

Oxford Economics (2023). Data Center Impacts

KPMG (2025). The economic impact of data centres to the Malaysian economy

Rencana

Pemahaman Mengenai Pendorong Utama Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Malaysia

Ringkasan Eksekutif

- Integrasi Malaysia pada peringkat global yang semakin meningkat, yang dicirikan oleh perdagangan rentas sempadan, aliran pelaburan dan hubungan kewangan yang lebih tinggi, telah menyebabkan peminjaman luaran meningkat. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh sektor perbankan dan diikuti oleh entiti korporat.
- Peminjaman antara bank rentas sempadan membolehkan bank-bank mempelbagaikan sumber pendanaan mereka serta meningkatkan akses ke pasaran antarabangsa. Sementara itu, kredit perdagangan syarikat korporat telah berkembang sejak pandemik berikutan peningkatan perdagangan dalam industri berorientasikan eksport.
- Meskipun hutang luar negeri jangka pendek semakin meningkat, kedudukan luaran Malaysia kekal berdaya tahan, diperkukuh oleh dinamik sektor luaran yang menyokong, pemantauan pengawalseliaan yang berhemat dan aset luaran yang lebih daripada mencukupi.

Hutang luar negeri Malaysia: Cerminan pertumbuhan dan keterbukaan

Untuk tempoh sedekad ini,[1] jumlah hutang luar negeri (*external debt*, ED) Malaysia berkembang pada purata kadar tahunan sebanyak 6.3%, didorong terutamanya oleh hutang luar negeri jangka pendek (*short-term external debt*, STED) yang terus meningkat (Rajah 1). Trend ini bukan sahaja unik kepada Malaysia. Peminjaman luar negeri jangka pendek negara berpendapatan pertengahan atas telah melonjak sebanyak 107% antara tahun 2010 hingga 2023. Peningkatan ini mencerminkan keperluan mudah tunai yang ketara apabila negara-negara pulih daripada Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis, GFC) dan pandemik COVID-19. Berlatarkan persekitaran ini, rencana ini mengkaji pendorong utama STED Malaysia dan menilai kesannya terhadap daya tahan luaran negara.

[1] Merujuk tempoh antara tahun 2014 hingga tahun 2024.
Nota: Sejak awal tahun sehingga kini (*year-to-date*, YTD) 2025 merujuk tempoh sehingga akhir September 2025.

Rajah 1: Pertumbuhan hutang luar negeri mengikut tempoh matang
Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Nota: 1/MLTED merujuk hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang (*medium- and long-term external debt*).
2/ YTD 2025 merujuk perubahan tahunan antara September 2024 hingga September 2025.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2: Paras hutang luar negeri mengikut tempoh matang
RM bilion, % daripada KDNK



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemahaman Mengenai Pendorong Utama Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Malaysia

Profil hutang yang menggalakkan mengurangkan risiko pelanjutan

Pada akhir suku ketiga tahun 2025, hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM1.4 trilion, bersamaan dengan 69% daripada KDNK (akhir S2 2025: RM1.4 trilion; 71% daripada KDNK). Sebahagian besar hutang ini adalah dalam bentuk hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang (*medium- and long-term external debt*, MLTED), berjumlah RM786 bilion atau 57% daripada jumlah hutang (Rajah 2). Tempoh matang yang lebih panjang membolehkan pengurusan jadual bayaran balik hutang yang berhemat lantas mengehadkan risiko pelanjutan peminjam (*rollover risks*). Baki sebanyak RM596 bilion (43%) terdiri daripada STED, yang kekal stabil pada tahap sedikit melebihi 40% dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

Sejak tahun 2021, pertumbuhan hutang luar negeri Malaysia didorong terutamanya oleh hutang jangka pendek daripada sektor swasta

Sektor swasta terus menjadi penyumbang utama kepada STED, mencakupi 99% daripada jumlah STED. Bahagian sektor awam secara relatif kekal kecil dan stabil, terdiri terutamanya daripada pemegangan sekuriti hutang kerajaan oleh bukan pemastautin (Rajah 3). Berbanding dengan negara rakan serantau lain, bahagian STED Malaysia oleh institusi perbankan dan syarikat korporat adalah lebih tinggi sedikit daripada paras median (Rajah 4).

Peningkatan STED yang stabil ini mencerminkan bahawa Malaysia semakin berintegrasi dengan ekonomi global menerusi penyertaan aktif sektor perbankan dan syarikat swasta dalam aktiviti rentas sempadan. Bagi setiap sektor, sebahagian besar hutang luar negeri ini adalah dalam bentuk: **(i) peminjaman antara bank**; dan **(ii) kredit perdagangan**.

Rajah 3: STED mengikut sektor institusi
RM bilion



Nota: Sektor awam merujuk syarikat awam, Kerajaan Persekutuan dan Bank Negara Malaysia.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4: STED institusi perbankan dan syarikat korporat negara rakan serantau terpilih
% daripada jumlah hutang luar negeri



Nota: 1/ SG = Singapura, HK = Hong Kong, CN = China, JP = Jepun, MY = Malaysia, TH = Thailand, KR = Korea Selatan, IN = India, PH = Filipina, ID = Indonesia. 2/ Berdasarkan data terkini yang tersedia sehingga akhir suku kedua 2025 bagi negara-negara lain, manakala data Malaysia berdasarkan data terkini sehingga akhir suku ketiga 2025.
Sumber: Bank Negara Malaysia dan CEIC

Rencana

Pemahaman Mengenai Pendorong Utama Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Malaysia

Rajah 5: Pecahan STED mengikut instrumen setakat akhir September 2025
% bahagian daripada jumlah STED



Nota: Liabiliti hutang lain termasuk pinjaman, pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin, instrumen pasaran wang yang diterbitkan dalam pasaran antarabangsa dan akaun belum bayar bukan perdagangan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 6: Peminjaman antara bank mengikut kumpulan perbankan
RM bilion



Nota: Kumpulan perbankan merujuk Labuan International Business and Financial Centre (LIBFC), kumpulan perbankan domestik (DBG) dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia (LIFB).
Sumber: Bank Negara Malaysia

I. Peminjaman antara bank mencerminkan kehadiran serantau yang semakin berkembang

Peminjaman antara bank, yang mencakupi 40% daripada jumlah STED, merupakan instrumen utama peminjaman jangka pendek Malaysia (Rajah 5). Lebih separuh (55%) daripada peminjaman antara bank ini melalui pengantaraan Labuan International Business and Financial Centre (LIBFC), mencerminkan kedudukannya sebagai sebuah hab kewangan (Rajah 6).[2] Institusi perbankan yang beroperasi di LIBFC lazimnya berperanan sebagai penghubung bagi pengantaraan kewangan global, dengan penyaluran dana oleh institusi induk kepada entiti Labuan mereka untuk menyokong keperluan mudah tunai dan pengoperasian. Struktur pendanaan sebegini merupakan ciri lazim pusat kewangan, yakni jumlah, tempoh matang dan mata wang biasanya dipadankan dan kemudiannya dipinjamkan kepada pelanggan bukan pemastautin melalui transaksi "*out-out*"[3] yang mengehadkan risiko limpahan kepada sistem kewangan domestik Malaysia.

Baki (45%) peminjaman antara bank adalah daripada bank-bank tempatan, yang terdiri daripada kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups,* DBG) dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia (*locally-incorporated foreign banks,* LIFB). Khususnya, 23% daripada jumlah peminjaman antara bank oleh DBG dan LIFB adalah dengan kalangan entiti tidak berkaitan,[4] manakala baki sebanyak 22% adalah dengan rakan niaga yang berkaitan dalam kumpulan perbankan yang sama. Peminjaman antara kumpulan ini membolehkan institusi perbankan mengakses pendanaan daripada institusi induk dan rakan kongsi yang lazimnya pada kadar konsesi. Hal ini seterusnya mengurangkan risiko pendanaan dan pengeluaran mendadak.

[2] Institusi perbankan yang beroperasi di LIBFC dikawal selia oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan Financial Services Authority, LFSA). Peminjaman luar negeri oleh LIBFC dilaporkan di bawah hutang luar negeri Malaysia, selaras dengan Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF).
[3] "Out-out" merujuk penempatan dana yang diperoleh daripada sumber luaran dengan rakan niaga luar negeri.
[4] Entiti tidak berkaitan merujuk entiti yang tidak berada di bawah institusi induk yang sama, manakala entiti berkaitan merujuk entiti yang berkongsi institusi induk yang sama.

Rencana

Pemahaman Mengenai Pendorong Utama Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Malaysia

Selepas pandemik, kecuali pada tahun 2023, satu daripada pendorong utama kenaikan dalam STED ialah peminjaman antara bank yang lebih tinggi (Rajah 7). Trend ini didorong oleh bank-bank tempatan, terutamanya DBG, yang telah meningkatkan penggunaan pembiayaan jangka pendek mereka. Sebahagian daripada hal ini berpunca daripada akses DBG kepada pendanaan mata wang asing (*foreign currency,* FCY) luar pesisir untuk mendapatkan sumber yang lebih murah dari luar negara.

Dengan kehadiran serantau dan operasi antarabangsa yang meluas, DBG juga memusatkan pengurusan mudah tunai melalui operasi perbendaharaan yang berpangkalan di Malaysia. Ibu pejabat di Malaysia bertindak sebagai saluran utama, dengan mengumpulkan dana daripada operasi luar negara dan mengagihkan semula dana ini kepada cawangan-cawangan bagi mengoptimumkan kecekapan pendanaan. Proses ini disokong melalui aktiviti peminjaman dan pemberian pinjaman antara bank. Secara amnya, transaksi jangka pendek tersebut digunakan oleh bank-bank terutamanya untuk menguruskan keperluan pendanaan jangka pendek dan mengekalkan penampan mudah tunai mereka. Transaksi DBG dengan pihak berkaitan di negara-negara utama telah meningkat secara mendadak, contohnya di United Kingdom (2021–2025: 54%; 2015–2019: 4%), Vietnam (2021–2025: 52%; 2015–2019: 28%), Indonesia (2021–2025: 34%; 2015–2019: -16%), dan China (2021–2025: 21%; 2015–2019: 13%).[5]

Rajah 7: Pertumbuhan STED mengikut instrumen
Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Nota: 1/ YTD 2025 merujuk perubahan tahunan antara bulan September 2024 hingga September 2025.
2/ Liabiliti hutang lain termasuk pinjaman, pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin, instrumen pasaran wang yang diterbitkan dalam pasaran antarabangsa dan akaun belum bayar bukan perdagangan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 8: STED institusi perbankan mengikut mata wang dan instrumen
RM bilion



Nota: Liabiliti hutang lain termasuk pemegangan hutang domestik oleh bukan pemastautin, bon dan nota serta pinjaman.
Sumber: Bank Negara Malaysia

[5] Merujuk purata pertumbuhan tahunan antara tahun 2015 hingga 2019 serta purata pertumbuhan tahunan antara tahun 2021 hingga YTD 2025.

Pemahaman Mengenai Pendorong Utama Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Malaysia

II. Peminjaman jangka pendek oleh syarikat korporat adalah terutamanya untuk perdagangan dan mempunyai sumbangan kepada pertumbuhan jangka panjang

STED syarikat korporat sebahagian besarnya terdiri daripada pengaturan kredit perdagangan, yang merangkumi 70% daripada jumlah STED korporat (Rajah 9). Bakinya terdiri daripada liabiliti jangka pendek lain seperti pinjaman antara syarikat, pembayaran tuntutan insurans yang belum diselesaikan dan faedah belum bayar untuk bon dan nota. Hal ini mencerminkan kepelbagaian ciri obligasi hutang jangka pendek firma.

Kredit perdagangan membolehkan firma memperoleh inventori tanpa pembayaran segera, sekali gus menyediakan alternatif yang lebih menjimatkan kos berbanding pinjaman tradisional di samping membolehkan pengurusan mudah tunai yang berkesan. Pengaturan sebegini bermanfaat khususnya semasa tempoh permintaan bermusim yang tinggi, membolehkan firma menambahkan stok lebih awal tanpa memberikan tekanan kepada rizab tunai. Pembayaran balik lazimnya diselaraskan dengan hasil eksport, lantas memastikan aliran masuk tunai sepadan dengan keperluan pembayaran balik hutang.

Sejak pandemik, STED syarikat korporat telah meningkat sebanyak 64%, menggariskan keupayaan firma menyesuaikan penggunaan kemudahan kredit perdagangan bagi membiayai aktiviti berkaitan import. Sebahagian besar pertumbuhan ini tertumpu pada sektor perkilangan berorientasikan eksport, terutamanya dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) serta penapisan petroleum (Rajah 10). Trend ini diperteguh dengan penglibatan yang lebih meluas, iaitu kira-kira satu pertiga daripada 100 peserta teratas[6] merupakan peserta baharu selepas pandemik. Keadaan ini menggariskan peningkatan integrasi firma domestik dalam rangkaian perdagangan global.

[6] Berdasarkan tinjauan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (International Investment Position, IIP) yang dijalankan setiap suku tahun secara bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rajah 9: Hutang luar negeri jangka pendek oleh syarikat korporat mengikut instrumen
RM bilion



Nota: Liabiliti hutang lain termasuk pinjaman, pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin, instrumen pasaran wang yang diterbitkan dalam pasaran antarabangsa dan akaun belum bayar bukan perdagangan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 10: Kredit perdagangan oleh syarikat korporat mengikut industri
RM bilion



Nota: Lain-lain termasuk aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan, aktiviti harta tanah, pembinaan, aktiviti profesional, saintifik dan teknikal, perlombongan dan pengkuarian, serta pengangkutan dan penyimpanan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rencana

Pemahaman Mengenai Pendorong Utama Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Malaysia

Daya tahan sektor luaran Malaysia berpaksikan asas yang kukuh dan kawalan dasar yang mantap

Sektor luaran merupakan salah satu tonggak utama yang menyokong keutuhan ekonomi Malaysia, dengan menyediakan penampan yang kukuh untuk menghadapi kejutan luaran. Daya tahan ini diperkukuh oleh dinamik sektor luaran yang menyokong, struktur hutang yang menggalakkan, dasar yang berhemat serta penampan luaran yang teguh.

A. Dinamik sektor luaran yang menyokong

Kedudukan luaran Malaysia secara asasnya kekal kukuh, dengan risiko daripada dedahan liabiliti STED dan mata wang asing terus terkawal. Bahagian hutang luar negeri yang lebih besar terdiri daripada hutang jangka sederhana dan panjang mengurangkan risiko pelanjutan, manakala dedahan mata wang asing diuruskan secara berhemat melalui penggunaan instrumen lindung nilai. Selain itu, lebihan akaun semasa yang berterusan sejak tahun 1998 menegaskan lagi asas luaran Malaysia yang kukuh.

B. Profil hutang luar negeri jangka pendek yang menggalakkan

Kira-kira satu pertiga daripada STED dalam denominasi mata wang asing adalah bersandarkan pendapatan eksport, sekali gus menyediakan lindung nilai sejadi (*natural hedging*) terhadap risiko mata wang. Selain itu, sebahagian daripada pinjaman jangka pendek ini berlaku antara pihak berkaitan, yang dibuat berdasarkan terma yang fleksibel dan bersifat konsesi. Hal ini lantas mengurangkan risiko pembiayaan semula dan risiko kredit. Kesemua faktor ini secara kolektif mengehadkan kelemahan yang timbul daripada obligasi luaran jangka pendek.

C. Rangka kerja kehematan dan pengawalseliaan yang kukuh

BNM melaksanakan rangka kerja kawal selia yang menyeluruh serta pemantauan kehematan makro bagi memastikan sektor perbankan kekal berdaya tahan. Institusi perbankan dikehendaki mengekalkan penampan mudah tunai yang mencukupi serta kedudukan modal yang kukuh bagi membolehkan mereka memenuhi obligasi jangka pendek dan menyerap kejutan luaran. Langkah ini memperkukuh daya tahan sektor perbankan semasa tempoh ketidaktentuan global yang meningkat serta menyumbang kepada kestabilan kewangan yang lebih meluas. Sementara itu, di bawah peraturan Dasar Pertukaran Asing (*Foreign Exchange Policy*, FEP), peminjaman luar negeri oleh syarikat korporat pemastautin daripada pihak tidak berkaitan yang melebihi RM100 juta juga memerlukan kelulusan BNM. Langkah ini memastikan pinjaman sedemikian disokong oleh pendapatan, dilindung nilai dengan secukupnya serta digunakan untuk tujuan yang produktif. Pendekatan ini lantas meminimumkan risiko sistemik terhadap ekonomi negara.

D. Penampan mudah tunai luaran yang mencukupi dan kedudukan aset luaran yang teguh

Liberalisasi FEP secara progresif telah membolehkan institusi perbankan dan syarikat korporat mengumpulkan aset luaran dalam mata wang asing bukan rizab yang besar berjumlah RM1,949 bilion. Daripada jumlah ini, RM1,044 bilion merupakan aset cair yang boleh digunakan untuk memenuhi obligasi jangka pendek. Aset luaran yang kukuh ini menyokong Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih (*Net International Investment Position*, NIIP) Malaysia yang positif sebanyak RM77 bilion, atau 3.9% daripada KDNK. Hal ini mengukuhkan status Malaysia sebagai negara pemiutang bersih dengan penampan yang lebih daripada mencukupi untuk mengurangkan kesan kejutan luaran.

Pemahaman Mengenai Pendorong Utama Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Malaysia

Kesimpulan

Peningkatan STED Malaysia mencerminkan peralihan struktur dalam pengantaraan kewangan rentas sempadan, dan bukannya kelemahan yang meningkat dengan ketara. Komponen utama yang mendorong STED, iaitu peminjaman antara bank dan kredit perdagangan, berkembang seiring dengan strategi perbankan serantau dan integrasi perdagangan global yang lebih mendalam. Kesemua peminjaman ini mempertingkatkan pengurusan mudah tunai serta fleksibiliti operasi bagi institusi perbankan dan syarikat korporat, dengan dedahan yang sebahagian besarnya tertumpu dalam kalangan entiti berkaitan dan disokong oleh aliran pendapatan mata wang asing yang stabil. Tambahan lagi, rangka kerja kehematan yang kukuh serta mekanisme pemantauan menyeluruh di Malaysia menyediakan kawalan tambahan untuk memastikan pengesanan awal dan mitigasi terhadap risiko luaran yang muncul.

Rujukan

Bank Negara Malaysia (2015). “Memahami Hutang Luar Negeri Jangka Pendek”, Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia (2018). “Daya Tahan Malaysia dalam Mengurus Obligasi Hutang Luar Negeri dan Kecukupan Rizab Antarabangsa”, Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia (2018). “Profil Hutang Luar Negeri Malaysia”, Buletin Suku Tahunan Suku Ketiga 2018 Bank Negara Malaysia

Laman sesawang “FEP Overview”, Bank Negara Malaysia. Boleh diakses melalui: https://financialmarkets.bnm.gov.my/fep-overview

Hyejoon Im, Moon J. Choi & Sangyeon Hwang (2022). ”Cross-border Trade Credit and Trade Flows During the Global Financial Crisis”, International Review of Economics & Finance

Jadual 1: KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2024 (%)	2024			2025		
		S3	S4	Tahun	S1	S2	S3
		Perubahan Tahunan, %					
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	95.2	7.1	6.4	6.5	6.0	7.0	5.8
Sektor swasta	77.2	6.9	6.6	6.6	5.9	6.8	5.5
Penggunaan	60.7	4.7	5.3	5.1	5.0	5.3	5.0
Pelaburan	16.5	15.6	12.7	12.3	9.2	11.8	7.3
Sektor Awam	18.0	8.0	5.8	6.3	6.2	8.1	7.2
Penggunaan	13.2	6.0	4.0	4.7	4.3	6.4	7.1
Pelaburan	4.8	14.4	10.0	11.1	11.6	13.6	7.4
Eksport Bersih	4.2	-5.3	63.6	9.2	19.6	-72.6	17.7
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	68.1	11.7	8.7	8.3	4.1	2.6	1.4
Import Barangan dan Perkhidmatan	63.9	13.0	5.9	8.2	3.1	6.6	0.4
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**5.4**	**4.9**	**5.1**	**4.4**	**4.4**	**5.2**
KDNK, perubahan suku tahunan, terlaras secara bermusim %	-	1.6	-0.2	-	0.7	2.2	2.4

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: KDNK Mengikut Kegiatan Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2024 (%)	2024			2025		
		S3	S4	Tahun	S1	S2	S3
		Perubahan Tahunan, %					
Perkhidmatan	59.4	5.2	5.5	5.3	5.0	5.1	5.0
Perkilangan	23.1	5.6	4.2	4.2	4.1	3.7	4.1
Pertanian	6.3	3.6	-0.7	3.1	0.7	2.5	0.4
Perlombongan	6.0	-2.8	-0.7	0.9	-2.7	-5.2	9.7
Pembinaan	4.0	20.0	20.7	17.5	14.2	12.1	11.8
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**5.4**	**4.9**	**5.1**	**4.4**	**4.4**	**5.2**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: **Imbangan Pembayaran**[1]

	2024[d]			2025[a]		
	S3	S4	Tahun	S1	S2	S3
	RM bilion					
Akaun semasa	**1.8**	**12.9**	**27.7**	**16.7**	**0.3**	**12.2**
% daripada KDNK	*0.4*	*2.6*	*1.4*	*3.4*	*0.1*	*2.4*
Barangan	22.4	36.9	114.5	38.5	17.0	33.3
Perkhidmatan	-0.8	-1.0	-11.7	-3.4	-3.3	0.7
Pendapatan primer	-17.4	-17.1	-66.1	-17.1	-8.9	-19.9
Pendapatan sekunder	-2.4	-5.9	-9.0	-1.2	-4.6	-1.8
Akaun Kewangan	**-3.1**	**-9.3**	**-4.9**	**-20.3**	**-2.2**	**-11.2**
Pelaburan langsung	-0.7	13.5	17.7	12.1	2.2	6.8
Aset	-15.2	-16.2	-63.8	-14.8	-4.9	-2.8
Liabiliti	14.5	29.7	81.4	26.9	7.1	9.5
Pelaburan portfolio	3.4	-42.0	-84.1	-48.3	16.4	-28.0
Aset	-31.4	-25.7	-107.3	-34.4	-22.6	-13.5
Liabiliti	34.7	-16.3	23.2	-13.9	39.0	-14.6
Derivatif kewangan	-0.4	2.7	2.8	-1.7	1.3	-0.8
Pelaburan lain	-5.3	16.5	58.7	17.6	-22.1	10.9
Kesilapan dan ketinggalan bersih	**3.7**	**2.5**	**-7.0**	**6.6**	**2.9**	**2.3**
Imbangan keseluruhan	**2.4**	**6.1**	**15.8**	**3.0**	**1.0**	**3.3**

[d] Disemak
[a] Awalan
Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4: **Hutang Luar Negeri Terkumpul**

	2024[d]	2025[a]	
	Akhir September	Akhir Jun	Akhir September
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	**1,262.1**	**1,403.3**	**1,381.2**
Bersamaan USD bilion	*307.3*	*331.8*	*327.7*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota	152.0	163.8	156.8
Peminjaman antara bank	207.4	243.9	237.7
Pinjaman antara syarikat berkaitan	201.4	231.4	227.4
Pinjaman	84.1	98.0	99.0
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	285.5	296.1	285.9
Deposit bukan pemastautin	143.7	145.2	147.1
Peruntukan Hak Pengeluar Khas (SDR) IMF	26.9	28.0	27.9
Lain-lain	161.2	196.9	199.4
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	745.6	806.8	785.7
Jangka pendek	516.5	596.4	595.5
Denominasi mata wang			
Ringgit	433.9	451.4	445.7
Asing	828.2	951.9	935.5
Jumlah hutang luar negeri / KDNK, %	**66.2**	**71.4**	**69.4**
Hutang jangka pendek /Jumlah hutang luar negeri, %	**40.9**	**42.5**	**43.1**
Rizab / Hutang luar negeri jangka pendek, kali	**1.0**	**0.9**	**0.9**

[d] Disemak
[a] Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5: **Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan**

	2024	2025		2024	2025	
	S3	S2	S3	S3	S2	S3
	Akhir tempoh, RM bilion			Perubahan Tahunan, %		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]	**2822.4**	**2941.2**	**2990.1**	**4.9**	**5.2**	**5.9**
Bon korporat terkumpul[2]	582.4	606.0	625.0	2.1	4.3	7.3
Pinjaman terkumpul[3,4]	2240.0	2335.2	2365.1	5.7	5.5	5.6
Perniagaan	795.5	828.7	838.1	4.8	4.5	5.4
PKS	407.1	431.3	440.0	8.9	6.9	8.1
Bukan PKS	384.8	394.6	395.2	1.0	2.3	2.7
Isi rumah	1444.5	1506.5	1527.1	6.1	6.0	5.7
Kredit kepada perniagaan[5]	1377.9	1434.7	1463.0	3.7	4.4	6.2

[1] Mulai penerbitan Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan yang disalurkan untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. Data baharu ini menggantikan data pembiayaan bersih kepada sektor swasta yang digunakan sebelum ini.
[2] Termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam, serta bon dan sukuk jangka panjang; tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.
[3] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[4] Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas tanpa rekursa.
[5] Terdiri daripada pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan bon korporat terkumpul.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6: **Penunjuk Pinjaman**[1]

	2024	2025		2024	2025	
	S3	S2	S3	S3	S2	S3
	Dalam tempoh, RM bilion			Perubahan Tahunan, %		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan [2]						
Permohonan pinjaman	429.5	415.6	433.4	2.5	7.6	0.9
Kelulusan pinjaman	224.0	212.0	221.7	4.4	5.4	-1.0
Pengeluaran pinjaman	555.6	510.5	520.2	-1.0	-5.0	-6.4
Bayaran balik pinjaman	539.7	489.3	500.8	-2.3	-8.2	-7.2
Antaranya:						
Perniagaan[3]						
Permohonan pinjaman	181.8	172.9	175.8	0.1	16.4	-3.3
Kelulusan pinjaman	111.4	102.1	105.3	4.2	9.6	-5.4
Pengeluaran pinjaman	412.1	374.0	377.3	-3.6	-7.4	-8.5
Bayaran balik pinjaman	404.0	355.5	362.1	-5.4	-11.3	-10.4
PKS						
Permohonan pinjaman	98.7	93.3	94.7	-7.6	7.4	-4.0
Kelulusan pinjaman	51.6	45.8	53.2	-1.6	-3.7	3.2
Pengeluaran pinjaman	150.3	137.9	144.9	13.0	-4.2	-3.6
Bayaran balik pinjaman	146.2	129.9	137.8	12.3	-6.4	-5.7
Bukan PKS						
Permohonan pinjaman	83.2	79.6	81.1	11.2	29.1	-2.5
Kelulusan pinjaman	59.8	56.3	52.1	12.0	23.4	-12.8
Pengeluaran pinjaman	260.2	234.8	230.3	-11.2	-9.0	-11.5
Bayaran balik pinjaman	256.5	224.3	222.5	-13.3	-14.0	-13.2
Isi Rumah						
Permohonan pinjaman	247.7	242.7	257.6	4.3	2.0	4.0
Kelulusan pinjaman	112.7	109.9	116.4	4.5	1.8	3.3
Pengeluaran pinjaman	143.5	136.4	143.0	7.2	2.3	-0.4
Bayaran balik pinjaman	135.7	133.8	138.7	8.5	1.3	2.2

[1] Pinjaman bagi semua segmen termasuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[2] Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[3] Angka-angka pinjaman bagi PKS dan bukan PKS tidak semestinya terjumlah menjadi angka pinjaman perniagaan berikutan perniagaan yang tidak dikelaskan mengikut saiz syarikat turut dimasukkan dalam pengiraan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan

	2024	2025		2024	2025	
	S3	S2	S3[a]	S3	S2	S3[a]
	%			Perubahan tahunan, mata peratusan		
Pulangan atas ekuiti[1] (berasaskan keuntungan sebelum cukai)	12.4	13.8	13.3	0.9	1.7	0.9
Pulangan atas ekuiti[1] (berasaskan keuntungan selepas cukai)	9.4	10.8	10.3	0.7	1.6	0.9
Pulangan atas aset[1] (berasaskan keuntungan sebelum cukai)	1.4	1.5	1.5	0.12	0.20	0.10
	RM juta			Perubahan tahunan, %		
Pendapatan faedah bersih	15,980	16,324	16,167	7.1	5.2	1.2
Campur: Pendapatan berasaskan fi	3,437	3,462	3,450	8.3	1.8	0.4
Tolak: Kos operasi[2]	11,488	11,894	11,862	7.0	7.6	3.3
Keuntungan operasi kasar	7,929	7,892	7,755	7.8	0.3	-2.2
Tolak: Peruntukan jelas nilai[3] dan lain-lain	653	1,380	353	-27.2	197.3	-46.0
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	7,276	6,512	7,402	12.7	-12.1	1.7
Campur: Pendapatan lain[1]	5,744	7,766	5,252	34.6	36.0	-8.6
Untung sebelum cukai[1]	**13,020**	**14,278**	**12,654**	**21.4**	**8.9**	**-2.8**
Untung selepas cukai[1]	**9,908**	**11,131**	**9,541**	**21.0**	**10.1**	**-3.7**

[a] Awalan
[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% hingga 10.7%.
[2] Merujuk kos kakitangan dan overhed.
[3] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2024	2025		2024	2025	
	S3	S2	S3[a]	S3	S2	S3[a]
	RM juta			Perubahan tahunan, %[2]		
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1]	2,552	3,367	3,624	198.3	14.1	42.0
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	844	1,075	984	-2.1	26.5	16.5
Nisbah tuntutan (%)	56	57	59	-2.7	-2.5	3.1

[a] Awalan
[1] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keberuntungan penanggung insurans dan pengendali takaful dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[2] Merujuk mata peratusan bagi perubahan tahunan nisbah tuntutan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9: **Kewangan Kerajaan Persekutuan**[1]

	2024		2025[a]		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	87.1	98.4	72.1	75.5	93.8
Perubahan tahunan (%)	*11.9*	*10.9*	*3.1*	*9.2*	*7.7*
Perbelanjaan mengurus	76.3	88.1	76.5	78.9	83.0
Perubahan tahunan (%)	*9.5*	*-9.9*	*-1.5*	*-0.7*	*8.7*
Imbangan semasa	**10.8**	**10.4**	**-4.3**	**-3.4**	**10.8**
Perbelanjaan pembangunan bersih	17.4	31.3	17.6	15.2	20.2
Perubahan tahunan (%)	*-11.3*	*0.8*	*-6.0*	*2.1*	*15.9*
Imbangan keseluruhan	**-6.6**	**-21.0**	**-21.9**	**-18.6**	**-9.4**
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	93.7	119.4	94.0	94.0	103.2
Perubahan tahunan (%)	*4.9*	*-7.3*	*-2.4*	*-0.3*	*10.1*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	1,239.1	1,247.6	1,277.3	1,304.2	1,315.5
Hutang dalam negeri	944.8	964.9	993.7	1,006.4	1027.6
Hutang luar negeri	294.3	282.7	283.7	297.7	287.9
Pemegang hutan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*272.1*	*259.4*	*260.3*	*278.1*	*268.7*
Peminjaman luar pesisir	*22.2*	*23.4*	*23.4*	*19.6*	*19.2*

[a] Awalan
[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia